

27/01/2003

Singapura semakin bersikap biadap

SINGAPURA terus bersikap biadab apabila sekali lagi memutarbelitkan fakta dengan menuduh Malaysia suka lepas cakap mengenai perang. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memang pernah memberi amaran negara yang cuba melancarkan serangan terhadap Malaysia akan menerima padahnya. Tetapi negara dimaksudkan itu adalah Australia selepas Perdana Menteri John Howard mengumumkan dasar serangan mengejut mencari penganas di negara ini, Indonesia dan Filipina. Amaran itu tidak sekali-kali ditujukan kepada Singapura. Tanpa usul periksa, Menteri Luar republik itu, S Jayakumar memberitahu sidang tergempar Parlimen kelmarin, Singapurulah kononnya diberi amaran keras itu. Mengapa seolah-olah ia yang makan cili? Sebenarnya Singapurulah yang mengugut Malaysia bahawa ia sedia berperang apabila mengerah kapal perang dan rondanya ke perairan Pulau Batu Putih, dekat Pantai Johor walaupun ia tidak mempunyai hak ke atas pulau itu. Terakhir Menteri Pertahanannya Tony Tan pula dengan angkuh mengancam Malaysia bahawa negara ini akan menanggung risiko dan bertanggungjawab jika berlaku sebarang kejadian buruk di situ kiranya Malaysia terus mengadakan rondaan.

Niat jahat dan hasrat terpendam Singapura sentiasa bersedia untuk berperang jelas dengan timbunan kelengkapan tentera canggih diperolehnya khususnya dari Amerika. Peruntukan pertahanan hampir mencapai enam peratus Keluaran Kasar Dalam Negara setiap tahun sejak bertahun-tahun kebelakangan ini hingga republik itu kini mempunyai peralatan perang yang melebihi kekuatan dimiliki Malaysia dan Indonesia. Saiznya yang kecil menyebabkan sebahagian daripada jet pejuang, kereta kebal dan helikopter tempurnya terpaksa disimpan di Amerika, Australia, China dan Filipina. Apakah semua itu perlu untuk mempertahankan negara sekangkang kera itu atau bagi melancarkan perang terhadap jirannya?

Parti pemerintah PAP pula sengaja meniup api kebencian dan kemarahan di kalangan rakyat terutama belianya apabila laman web cabang Pemuda dibiarkan membincangkan betapa mudahnya tentera Singapura, khususnya SAF menakluki Johor dan Pahang sekali bagi menjamin hidup lebih selesa bagi penduduk Cina republik itu. Dalam membangkitkan isu rondaan di Pulau Batu Putih, Singapura dengan senang menuduh Malaysia mencerooboh walaupun pulau itu tidak pernah diserahkan kepada British oleh kesultanan Johor. Penjajah berpusat di Singapura hanya diberi kebenaran membina dan mentadbir rumah api di sana. Namun dua menteri Singapura itu sengaja memberi gambaran salah kepada rakyat mereka mengenai kedudukan sebenar isu berkenaan seolah-olah republik itu menghadapi ancaman. Sikap baling batu sembunyi tangan Singapura itu tidak sejajar dengan semangat kejiwaan. Ia lebih mirip dasar khianat Yahudi yang merampas tanah dan menindas rakyat Palestin, tetapi terus dilanda kegelisahan dan sentiasa berasa diancam negara jiran Arabnya. Sikap ala Yahudi ini tidak menghairankan memandangkan republik itu mempunyai hubungan yang begitu rapat sekali dengan Israel.